Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia

NARATIF BAHARU UKM
UNIVERSITI WATAN KITA

FKAB
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
Faculty of Engineering & Built Environment

# PELAN STRATEGIK

## FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

# 2021 - 2025

**EDISI KEDUA**



Hak cipta terpelihara 2023. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan kepada sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pemilik hak cipta.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
**FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA**
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh:
**FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA**
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

# PELAN STRATEGIK

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

# 2021 - 2025







**PENASIHAT**
Prof. Dato' Ir. Dr. WAN HAMIDON WAN BADARUZZAMAN

**SIDANG PENGARANG**
Prof. Madya Ir. Dr. MASTURAH MARKOM
Prof. Madya Ts. Dr. KALAIVANI CHELLAPPAN
Prof. Madya Ts. Dr. HARYANTI MOHD AFFANDI
Dr. NOORFAZILA KAMAL

**URUS SETIA**
En. MOHD NAJIB ADUN
Pn. NURUL ASMIZAH MAT SAAT

**PEREKA GRAFIK**
En. MUHAMMAD SYAFIQ ABDUL RAZAK

# KANDUNGAN


PERUTUSAN 1

VISI DAN MISI FKAB UKM 3

HALA TUJU STRATEGIK FKAB UKM 2021-2025 5

TONGGAK UTAMA FKAB DAN PEMETAAN T.E.R.A.S UKM 7

INSTRUMEN PENGUKURAN PRESTASI FKAB 19

STRATEGI DAN INISIATIF 22


PELAN STRATEGIK
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
2021 - 2025



# Perutusan



YBhg. Profesor Dato' Gs. Ts. Dr.
**Mohd Ekhwan Hj. Toriman**
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia

"Pengembangan akademik, kecemerlangan penyelidikan, pembangunan pelajar serta pengukuhan jaringan antarabangsa, industri dan khidmat komuniti FKAB dapat diperkasa menerusi Lembayung T.E.R.A.S dan Kebitaraan UKM. Penghayatan dan penerapan nilai T.E.R.A.S dalam pelbagai kebitaraan akan membawa kepada kecemerlangan fakulti selaras dengan aspirasi UKM dan agenda negara.

YBhg. Profesor Ir. Dr.
**Mohd Syuhaimi Ab Rahman**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia



"FKAB kini menghampiri empat dekad dan telah meraih pelbagai kejayaan yang membanggakan. Kecemerlangan dan kegemilangan dapat dikekalkan melalui strategi pentadbiran fakulti yang luar biasa seiring dengan aspirasi universiti. Pelan Strategik yang teliti, rapi dan holistik dapat memastikan FKAB sentiasa bersaing dan kekal relevan sepanjang zaman serta menjadi sanjungan pemegang taruh. Pelaksanaan prakarsa berimpak membina martabat fakulti dan universiti ke tahap yang lebih tinggi. Kita menang di mata dunia dan juga menang di hati masyarakat. UKM MARA! FKAB LUAR BIASA!



YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr.
**Wan Hamidon Wan Badaruzzaman**
Mantan Dekan (2021 – 2022)
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia

"Naratif baharu FKAB adalah menggerakkan DNA fakulti ke arah pembinaan warga fakulti berakhlak mulia dan berintegriti yang dapat membantu melahirkan graduan yang holistik dan seimbang. Kemurnian ilmu dan bimbingan sempurna warga FKAB turut menyumbang dalam pembentukan graduan FKAB berbudaya tinggi dan cemerlang yang bakal menjadi teladan kepada generasi akan datang.

YBrs. Profesor Madya Ir. Dr.
**Masturah Markom**
Ketua Sidang Pengarang
Buku Pelan Strategik FKAB 2021-2025
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia



"Pelan Strategik FKAB 2021-2025 ini membawa aspirasi kepemimpinan dan harapan tinggi pelbagai pihak berkepentingan fakulti. Sesi libat-urus bersama pengurusan fakulti, profesor pemikir, pensyarah, kakitangan dan pelajar telah memberikan maklum balas berguna di dalam pembangunan pelan strategik ini ke arah mencapai kecemerlangan fakulti yang seiring dengan nilai murni.

# VISI

Menjadi pusat kecemerlangan ilmu kejuruteraan dan alam bina bertaraf dunia dan menerajui keutuhan peradaban.



# MISI

Memacu pembangunan ilmu pengetahuan, mengukuh jaringan strategik dan melahirkan graduan holistik berjiwa watan.






# PELAN STRATEGIK

## FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## 2021-2025

Pelan Strategik Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) 2021-2025 merupakan hasil kesinambungan Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM (2021-2025) yang telah dilancarkan pada tahun 2021. Pelan lima tahun ini merangkumi tiga fasa iaitu Fasa Penjajaran dengan T.E.R.A.S, Fasa Perancangan dan Pembangunan dan seterusnya Fasa Pelaksanaan. Pelan Strategik FKAB memetakan T.E.R.A.S (Kebitaraan Watan, i-Minda, Holistik, Digital, Prihatin dan dua Agenda Utama) dengan empat tonggak utama FKAB iaitu **Penyelidikan Berimpak, Pendidikan Terkehadapan, Jaringan Strategik dan Pemerkasaan Insan**. Pelaksanaan Pelan Strategik FKAB melalui empat tonggak utama ini diharapkan dapat merealisasikan visi dan misi FKAB sebagai pusat kecemerlangan bertaraf dunia.

Pelan strategik FKAB berhasrat untuk meningkatkan penjanaan, kebolehpasaran graduan, pengkomersilan, keterserlahan, penarafan dan pembangunan infrastruktur. Selain pencapaian penunjuk prestasi utama (KPI), nilai murni dan budaya kerja sihat perlu sentiasa dipupuk di kalangan warga FKAB bagi menjamin keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Oleh yang demikian, tumpuan perlu diberikan kepada nilai T.E.R.A.S (bakat, etika, perkasa, tangkas dan jiwa) dalam pemerkasaan warga fakulti dan memastikan penerapannya merentas semua tonggak utama FKAB. Pencapaian pelan strategik juga direalisasikan dengan penekanan terhadap matlamat pembangunan lestari (Sustainable Development Goals, SDG) dalam pelaksanaan tonggak utama FKAB, iaitu nilai kemanusiaan yang memberi impak sejagat. Dengan itu, hala tuju FKAB bagi empat tonggak utama dibangunkan selaras dengan visi dan misi FKAB, T.E.R.A.S, SDG dan hala tuju negara.




Hala tuju FKAB bagi empat tonggak utama adalah untuk:

- Memperkasa penyelidikan yang mempunyai nilai kesarjanaan tinggi ke arah pembangunan teknologi berciri kebangsaan yang lestari
- Melahirkan graduan berjati diri kebangsaan yang holistik dan berdaya tahan melalui pengajaran dan pembelajaran terkehadapan
- Meluaskan jaringan yang berimpak melalui pembudayaan watan dan pendigitalan terkini
- Memupuk ciri holistik, nilai murni, jiwa watan dan semangat perpaduan dalam kalangan warga FKAB

Pendekatan yang disasarkan penting untuk mencapai prestasi cemerlang berterusan FKAB dalam kebitaraan T.E.R.A.S, objektif kualiti pendidikan, penilaian penyelidikan Malaysia (MyRA) dan penarafan universiti.

# TONGGAK UTAMA

## PELAN STRATEGIK FKAB UKM 2021-2025

**Pelan Strategik FKAB UKM 2021-2025 memfokuskan kepada empat tonggak utama iaitu Penyelidikan Berimpak, Pendidikan Terkehadapan, Jaringan Strategik dan Pemerkasaan Insan.**




### PENYELIDIKAN BERIMPAK

Strategi penyelidikan FKAB memberi tumpuan untuk mengekalkan kecemerlangan dalam disiplin kejuruteraan dan seni bina berdasarkan T.E.R.A.S UKM, mengekalkan atau mewujudkan kemudahan penyelidikan bertaraf tinggi, membangunkan kakitangan akademik yang cemerlang, dan melahirkan kakitangan penyelidikan dan pelajar berkualiti tinggi. FKAB dalam usaha menggerakkan penyelidikan ke arah trans-disiplin dengan memfokuskan kepada cabaran global melalui pemantapan kumpulan penyelidikan dengan penggabungan kepakaran, kemudahan dan/atau perkongsian ilmu.



### PENDIDIKAN TERKEHADAPAN

Melahirkan graduan seimbang yang dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan sedia menyumbang dengan cemerlang untuk menangani masalah masyarakat, industri dan cabaran global. FKAB akan bersifat proaktif dalam membangunkan kualiti tertinggi pendidikan kejuruteraan dan seni bina yang boleh diperoleh oleh pelajar yang berpotensi. Melalui pelan strategik ini FKAB akan memperhalusi kurikulum dan ko-kurikulum untuk meningkatkan atribut dan kemahiran teras kejuruteraan pelajar selaras dengan keperluan industri berlandaskan pembelajaran kurikulum abad ke-21 berpaksikan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

T.E.R.A.S UKM

**PELAN STRATEGIK**
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
**2021 - 2025**

Tonggak Utama FKAB

FKAB akan memperkasa jaringan strategik untuk melonjakkan kecemerlangan penyelidikan dan pendidikan, pengkomersialan produk dan keterserlahan dengan rakan industri, universiti terkemuka dunia dan agensi kerajaan. Fakulti ingin melihat lebih banyak penajaan dan geran dalam dan luar negara diperoleh melalui jaringan strategik tersebut. Usaha akan dipergiatkan di peringkat fakulti untuk mewujudkan unit pengurusan dalam pengendalian hak cipta, paten dan pelesenan produk hasil penyelidikan. Jaringan strategik yang berimpak juga sangat penting dalam meningkatkan budaya keusahawanan dalam kalangan warga FKAB dan kebolehpasaran graduan.




## JARINGAN STRATEGIK

Pemerkasaan insan warga fakulti yang merangkumi kakitangan akademik, bukan akademik dan para pelajar bertujuan membentuk ekosistem modal insan yang berwibawa, holistik serta mempunyai nilai murni bagi menghasilkan budaya kerja sihat dan berdaya saing. Hal ini bagi membina dinamika warga fakulti dalam menghadapi cabaran masa kini dan akan datang. FKAB menyokong penuh usaha ini dengan menyediakan dan memperkasa keperluan infrastruktur yang yang fleksibel dan kondusif kepada pembinaan budaya kerja sihat yang dapat meningkatkan indeks kesejahteraan warga. Kesepaduan teras kerja berpasukan yang holistik ini melahirkan warga FKAB yang yang dinamik, berjati diri watan dan berkualiti tinggi.



## PEMERKASAAN INSAN

# FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

*FACULTY OF ENGINEERING & BUILT ENVIRONMENT*






# T.E.R.A.S UKM




Pengertian T.E.R.A.S merangkumi lima nilai iaitu **Bakat *(Talent)*, Etika *(Ethics)*, Memperkasa *(Revitalise)*, Tangkas *(Agile)* dan Jiwa *(Soul)*** dan ia menjadi lembayung yang memayungi lima kebitaraan iaitu **Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin.**

Di bawah lima kebitaraan inilah terdapat 25 prakarsa yang menjadi asas untuk UKM merangka pelan strategik dan gerak kerja di samping menentukan indeks pencapaian utamanya. Berdasarkan intipati yang merangkumi nilai T.E.R.A.S dan elemen kebitaraan, terdapat dua agenda atau matlamat utama yang perlu dicapai oleh warga UKM iaitu iaitu **Kebolehpasaran Graduan** dan **Penjanaan Pendapatan**.


T E R A S
Bakat (Talent)
Etika (Ethics)
Memperkasa (Revitalise)
Tangkas (Agile)
Jiwa (Soul)
WATAN
i-MINDA
HOLISTIK
DIGITAL
PRIHATIN
1. Falsafah Universiti
2. Bahasa Melayu
3. Warisan Budaya
4. Jati Diri
5. Patriotisme
1. Advokasi
2. Inovasi
3. Ekosistem
4. Nilai dan Mutu
5. Translasi
1. Keusahawanan
2. Kreativiti
3. Kepimpinan
4. Kerjaya
5. Nilai Murni
1. Infra dan Info
2. Pedagogi dan Ekologi Pembelajaran
3. Pembudayaan
4. Kelestarian
5. Governans
1. S.I.H.A.T
2. Perpaduan
3. Kebajikan
4. Kemasyarakatan
5. Mesra OKU
PENYELIDIKAN BERIMPAK
PENDIDIKAN TERKEHADAPAN
JARINGAN STRATEGIK
PEMERKASAAN INSAN
CAR
SUTRA
JKA
JKMP
JSAB
JPK
JKKP
JKEES
P3K
CESPRO
FKAB
Kebolehpasaran Graduan
Penjanaan Pendapatan
T.E.R.A.S UKM
PELAN STRATEGIK
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
2021 - 2025
Tonggak Utama FKAB



# BITARA WATAN

**Tonggak Utama FKAB**

| Prakarsa TERAS | PENYELIDIKAN BERIMPAK | PENDIDIKAN TERKEHADAPAN | JARINGAN STRATEGIK | PEMERKASAAN INSAN |
|---|---|---|---|---|
| **Falsafah Universiti** | | | | ✓ |
| **Bahasa Melayu** | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| **Warisan Budaya** | ✓ | | ✓ | |
| **Jati Diri** | | ✓ | ✓ | ✓ |
| **Patriotisme** | | ✓ | | ✓ |

## SASARAN KPI PRAKARSA 2021-2025
### BITARA WATAN

| Sasaran KPI Tahunan | 2021* | 2022 | 2023** | 2024** | 2025** |
|---|---|---|---|---|---|
| **BAHASA MELAYU** — 1. Memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam penerbitan buku dan makalah jurnal | | | | | |
| Bilangan penerbitan buku dalam Bahasa Melayu | 23 | 23 | 23 | 24 | 24 |
| Bilangan penerbitan makalah jurnal dalam Bahasa Melayu | 15 | 15 | 15 | 16 | 17 |
| **BAHASA MELAYU** — 2. Menggalakkan penyelidikan mengenai aspek bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan Melayu | | | | | |
| Bilangan penyelidik mengenai aspek bahasa/kebudayaan/kesusasteraan Melayu | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |

** Sasaran tahun 2021 adalah berdasarkan peralihan Pelan Strategik UKM*

*** Ramalan sasaran KPI FKAB yang belum dilatakan ditentukan berdasarkan sasaran UKM (2023-2025)*



# BITARA i-MINDA

**Tonggak Utama FKAB**

| Prakarsa TERAS | PENYELIDIKAN BERIMPAK | PENDIDIKAN TERKEHADAPAN | JARINGAN STRATEGIK | PEMERKASAAN INSAN |
|---|---|---|---|---|
| Advokasi | ✓ | | ✓ | |
| Inovasi | ✓ | | ✓ | |
| Ekosistem Penyelidikan | ✓ | | ✓ | |
| Nilai dan Mutu | ✓ | | | ✓ |
| Translasi | ✓ | | ✓ | |

# SASARAN KPI PRAKARSA

## BITARA i-MINDA 2021-2025

| Sasaran KPI Tahunan | 2021* | 2022 | 2023** | 2024** | 2025** |
|---|---|---|---|---|---|
| **ADVOKASI** – Menggalak pementoran tokoh-tokoh akademik UKM kepada tenaga akademik muda dalam meningkatkan keilmuan dan keterserlahan | | | | | |
| Bilangan aktiviti / program pementoran | - | - | 2 | 3 | 5 |
| Peratusan pensyarah yang menjadi penyelidik utama (PI) projek penyelidikan | - | - | 92% | 93% | 95% |
| **INOVASI** – Mengkomersialkan Produk Inovasi. | | | | | |
| Bilangan produk pengkomersialan | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |

| Sasaran KPI Tahunan | 2021* | 2022 | 2023** | 2024** | 2025** |
|---|---|---|---|---|---|
| **EKOSISTEM PENYELIDIKAN** – 1. Meningkatkan Penerbitan Berimpak Tinggi. | | | | | |
| Bilangan penerbitan makalah dalam Jurnal Terindeks | 450 | 711 | 736 | 760 | 785 |
| Bilangan penerbitan jurnal Q1-Q2 | 140 | 408 | 428 | 450 | 472 |
| **EKOSISTEM PENYELIDIKAN** – 2. Meningkatkan Jaringan Strategik bersama Rakan Strategik Tersohor. | | | | | |
| Bilangan jaringan strategik dengan rakan strategik tersohor | 10 | 18 | 19 | 21 | 23 |
| **TRANSLASI** – 1. Menghasilkan Kertas Polisi. | | | | | |
| Bilangan penghasilan kertas polisi | 4 | 3 | 3 | 3 | 3 |
| **TRANSLASI** – 2. Meningkatkan Jumlah (RM) Geran Industri. | | | | | |
| Jumlah geran industri (RM) | 684k | 573k | 625k | 730k | 850k |
| **TRANSLASI** – 3. Meningkatkan Jumlah (RM) Geran Antarabangsa. | | | | | |
| Jumlah geran antarabangsa (RM) | 550k | 780k | 950k | 1.1M | 1.5M |
| **TRANSLASI** – 4. Meningkatkan Bilangan Geran Translasi. | | | | | |
| Bilangan geran translasi | 2 | 1 | 2 | 2 | 3 |

** Sasaran tahun 2021 adalah berdasarkan peralihan Pelan Strategik UKM*

*** Ramalan sasaran KPI FKAB yang belum dilatakan ditentukan berdasarkan sasaran UKM (2023-2025)*



# BITARA **HOLISTIK**

## Tonggak Utama FKAB

| Prakarsa TERAS | PENYELIDIKAN BERIMPAK | PENDIDIKAN TERKEHADAPAN | JARINGAN STRATEGIK | PEMERKASAAN INSAN |
|---|---|---|---|---|
| Keusahawanan | | | ✓ | ✓ |
| Kreativiti | | ✓ | | |
| Kepimpinan | | ✓ | | |
| Kerjaya | | ✓ | | ✓ |
| Nilai Murni | | | | ✓ |

# SASARAN KPI PRAKARSA

## BITARA HOLISTIK 2021-2025

| Sasaran KPI Tahunan | 2021* | 2022 | 2023** | 2024** | 2025** |
|---|---|---|---|---|---|
| **KEUSAHAWANAN** — Meningkatkan jumlah pelajar yang menjalankan perniagaan dalam bidang konvensional atau yang berteraskan inovasi dan teknologi | | | | | |
| Bilangan pelajar yang menjalani perniagaan berdaftar dengan CESMED. | - | - | 350 | 360 | 370 |
| **KERJAYA** — 1. Menambah sijil profesional yang akan meningkatkan nilai tambah pelajar | | | | | |
| Bilangan sijil profesional dan sijil kompetensi yang ditawarkan | 1 | 1 | 1 | 2 | 3 |
| **KERJAYA** — 2. Membantu pelajar mendapatkan pekerjaan di tempat menjalani latihan industri | | | | | |
| Peratusan pelajar yang mendapat pekerjaan di tempat menjalani latihan industri | - | - | 10% | 10% | 10% |

** Sasaran tahun 2021 adalah berdasarkan peralihan Pelan Strategik UKM*

*** Ramalan sasaran KPI FKAB yang belum dilatakan ditentukan berdasarkan sasaran UKM (2023-2025)*



# BITARA DIGITAL

**Tonggak Utama FKAB**

| Prakarsa TERAS | PENYELIDIKAN BERIMPAK | PENDIDIKAN TERKEHADAPAN | JARINGAN STRATEGIK | PEMERKASAAN INSAN |
|---|---|---|---|---|
| Infra dan Info | | | | ✓ |
| Pedagogi dan Ekologi Pembelajaran | | ✓ | | ✓ |
| Pembudayaan | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Kelestarian | | | | ✓ |
| Governans | | | | ✓ |

## SASARAN KPI PRAKARSA

### BITARA DIGITAL 2021-2025

| Sasaran KPI Tahunan | 2021* | 2022 | 2023** | 2024** | 2025** |
|---|---|---|---|---|---|
| **PEDAGOGI & EKOLOGI PEMBELAJARAN** — 1. Memperbanyakkan Program Pembelajaran Terbuka Jarak Jauh (Open Distance Learning) | | | | | |
| Bilangan Program Pembelajaran Terbuka Jarak Jauh (Open Distance Learning) | Belum diperkenalkan | 1 | 1 | 2 | 2 |
| **PEDAGOGI & EKOLOGI PEMBELAJARAN** — 2. Mempertingkatkan tawaran program berbentuk microcredential | | | | | |
| Bilangan program berbentuk microcredential | - | - | 2 | 2 | 2 |

** Sasaran tahun 2021 adalah berdasarkan peralihan Pelan Strategik UKM*

*** Ramalan sasaran KPI FKAB yang belum dilatakan ditentukan berdasarkan sasaran UKM (2023-2025)*



# BITARA PRIHATIN

**Tonggak Utama FKAB**

| Prakarsa TERAS | PENYELIDIKAN BERIMPAK | PENDIDIKAN TERKEHADAPAN | JARINGAN STRATEGIK | PEMERKASAAN INSAN |
|---|---|---|---|---|
| S.I.H.A.T | | | | ✓ |
| Perpaduan | | | ✓ | |
| Kebajikan | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Kemasyarakatan | | | ✓ | |
| Mesra OKU | | | | |

# SASARAN KPI PRAKARSA 2021-2025

## BITARA PRIHATIN

| Sasaran KPI Tahunan | 2021* | 2022 | 2023** | 2024** | 2025** |
|---|---|---|---|---|---|
| **PERPADUAN** — Memperkasa aktiviti atau program kesukarelawanan dan kerja sosial yang melibatkan pelbagai etnik | | | | | |
| Bilangan aktiviti atau program kesukarelawanan & kerja sosial yang melibatkan pelbagai etnik | - | - | 1 | 2 | 2 |
| **KEMASYARAKATAN** — Memperkasa Aktiviti atau Program melibatkan Keterlibatan antara Masyarakat dan Universiti. | | | | | |
| Bilangan aktiviti/ program melibatkan keterlibatan antara masyarakat-universiti | 2 | 2 | 2 | 2 | 3 |

** Sasaran tahun 2021 adalah berdasarkan peralihan Pelan Strategik UKM*

*** Ramalan sasaran KPI FKAB yang belum dilatakan ditentukan berdasarkan sasaran UKM (2023-2025)*

# PERANAN FKAB
## DALAM MENJAYAKAN
## AGENDA UTAMA T.E.R.A.S UKM

| Agenda Utama T.E.R.A.S | Sasaran KPI Tahunan 2021* | 2022 | 2023** | 2024** | 2025** |
|---|---|---|---|---|---|
| **KEBOLEHPASARAN GRADUAN** | Meningkatkan Peratusan Kadar Kebolehpasaran Graduan FKAB. | | | | |
| Peratusan graduan yang mendapat pekerjaan (%) | 84 | 82 | 92 | 93 | 94 |
| **PENJANAAN PENDAPATAN** | 1. Meningkatkan pelaburan yang menguntungkan | | | | |
| Jumlah keuntungan pelaburan (RM) | - | - | - | - | - |
| **PENJANAAN PENDAPATAN** | 2. Meningkatkan penjanaan melalui program pendidikan, geran penyelidikan, UKM Holdings, perniagaan universiti, rundingan, penyewaan aset, endowmen dan wakaf | | | | |
| Jumlah penjanaan menerusi perundingan, penyelidikan dan pengkomersialan (RM) | 10.5M | 12.9M | 14M | 14.5M | 15M |
| Bilangan pengambilan pelajar pascasiswazah tempatan dan antarabangsa | 85 | 53 | 45 | 50 | 55 |
| Pengambilan Pelajar UKM SHAPE | - | - | 415 | 415 | 415 |

*Sasaran tahun 2021 adalah berdasarkan peralihan Pelan Strategik UKM

** *Ramalan sasaran KPI FKAB yang belum dilatakan ditentukan berdasarkan sasaran UKM (2023-2025)*




# INSTRUMEN PENGUKURAN PRESTASI FKAB




# TONGGAK UTAMA FKAB
## dan Pertindihan Penunjuk Prestasi
# T.E.R.A.S, MyRA, OBJEKTIF KUALITI dan PENARAFAN ANTARABANGSA

# FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

*FACULTY OF ENGINEERING & BUILT ENVIRONMENT*



# STRATEGI DAN INISIATIF

## PELAN STRATEGIK FKAB UKM 2021-2025

**Pelan Strategik FKAB UKM 2021-2025 memfokuskan kepada empat tonggak utama iaitu Penyelidikan Berimpak, Pendidikan Terkehadapan, Jaringan Strategik dan Pemerkasaan Insan.**





tonggak 1

# PENYELIDIKAN BERIMPAK

Memperkasakan penyelidikan yang mempunyai nilai kesarjanaan yang tinggi ke arah pembangunan tamadun teknologi berciri kebangsaan yang lestari.




- Pengurusan Alam Sekitar Mampan
- Teknologi Terkehadapan Lestari
- Kepintaran Buatan dan Pembelajaran Mesin
- Pengurusan Kejuruteraan dan Teknologi
- Pendidikan Kejuruteraan dan Teknologi
- Warisan, Budaya dan Kemasyarakatan

Bagi mencapai hasil yang disasarkan, FKAB menyusun strategi penyelidikan dalam bidang berikut:

## PENDANAAN




1. Pementoran dan Bimbingan
2. Promosi Penyelidikan
3. Pengurusan dan Penyelarasan Dana

## PENERBITAN




1. Dana Pecutan Penerbitan
2. Bengkel Pemantapan Penulisan
3. Kolaborasi Penerbitan bersama Industri, Agensi atau Universiti Luar

## TRANSLASI DAN IMPAK




1. Promosi Hasil Penyelidikan
2. Penyelarasan Harta Intelek dan Pengkomersialan
3. Anugerah dan Insentif Kecemerlangan



tonggak

2

# PENDIDIKAN TERKEHADAPAN

Melahirkan graduan berjati diri kebangsaan yang holistik dan berdaya tahan melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran terkehadapan.

Bagi mencapai hasil yang disasarkan, FKAB menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:




1. Kolaborasi Makmal bersama Industri
2. Integrasi Kursus Profesional
3. Penawaran Program *Micro-Credential*
4. Program Siswazah ODL (*Open Distance Learning*)
5. Promosi Program
6. Integrasi Kurikulum Tersedia Masa Hadapan
7. Program Teknousahawan

**GRADUAN HOLISTIK**

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MAMPAN**



tonggak 3

# JARINGAN STRATEGIK

Melebar luas jaringan berimpak melalui pembudayaan watan dan teknologi terkini.

Bagi mencapai hasil yang disasarkan, FKAB menyusun strategi jaringan berimpak seperti berikut:

## MASYARAKAT

1. Pemuliharaan Warisan dan Peningkatan Gaya Hidup Masyarakat
2. Melestarikan Pendidikan STEM dalam Komuniti
3. Prihatin FKAB melalui Tabung Bantuan Kasih

## INDUSTRI

1. Mewujudkan Konsortium Latihan Industri
2. Hubungan Strategik bersama Syarikat Tersenarai di Bursa Saham

## PENGANTARABANGSAAN

1. Jalinan Hubungan Alumni Antarabangsa
2. Kolaborasi bersama Universiti Tersohor Dunia

## PENJANAAN

1. Pengewangan Aset
2. Perundingan Kepakaran
3. Promosi Produk dan Perkhidmatan
4. Latihan Profesional dan *Micro-Credential*



tonggak
4

# PEMERKASAAN INSAN

Memupuk ciri holistik, nilai murni, jiwa watan dan semangat perpaduan dalam kalangan warga FKAB.

Bagi mencapai hasil yang disasarkan, FKAB menyusun strategi bagi memperkasa insan seperti berikut:

## TADBIR URUS



1. Perkongsian dalam Pengurusan Maklumat
2. Pengurusan Dokumen Bersepadu
3. Unit Pengurusan Pengkomersialan

## PENINGKATAN ILMU DAN KEMAHIRAN



1. Pusingan Kerja
2. Program Sangkutan
3. Lawatan Kerja dan Penandaarasan
4. Latihan Pembangunan

Semakan Syarat Pengambilan dan Kenaikan Pangkat

Penaziran Skop Kerja

Pengurusan Bakat

Penghargaan dan Insentif




## PERJAWATAN

Audit Ruang

Ruang Kesejahteraan dan Terapi

Pendigitalan Infrastruktur




## PRASARANA

Pengukuhan Pasukan dan Perpaduan

Budaya Kerja Sihat




## NILAI MURNI

Tonggak PEMERKASAAN INSAN bertujuan memupuk ciri holistik, nilai murni, jiwa watan dan semangat perpaduan dalam kalangan warga FKAB yang terdiri daripada kakitangan akademik, kakitangan bukan akademik dan pelajar FKAB.






**Pelan Strategik FKAB (2021-2025) diharap dapat menggerakkan FKAB dan warganya dalam mencapai visi dan misi fakulti. Hasrat fakulti agar kecemerlangan bersama dapat dicapai dengan semangat perpaduan erat dan impak berkesan kepada pihak berkepentingan.**

# PELAN STRATEGIK

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

# 2021 - 2025



# JAWATANKUASA INDUK

## FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Prof. Ir. Dr. MOHD SYUHAIMI AB RAHMAN
Prof. Dato' Ir. Dr. WAN HAMIDON WAN BADARUZZAMAN
Prof. Dr. AINI HUSSAIN
Prof. Ir. Dr. SITI ROZAIMAH SHEIKH ABDULLAH
Prof. Madya Dr. ZAINUDDIN SAJURI
Prof. Madya Dr. SITI AMINAH HJ OSMAN
Prof. Ir. Dr. ROSDIADEE NORDIN
Prof. Madya Ts. Dr. WAN MIMI DIYANA WAN ZAKI
Prof. Dr. MARIYAM JAMEELAH GHAZALI
Prof. Madya Ir. Dr. MASTURAH MARKOM
Lt. Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. AZRUL A. MUTALIB
Dr. ISKANDAR YAHYA
Prof. Dr. DZURAIDAH ABD. WAHAB
Prof. Dr. NOOR EZLIN AHMAD BASRI
Prof. Madya Ir. Dr. HASSIMI ABU HASSAN
Prof. Madya Ir. Dr. NORHANA ARSAD
Prof. Ir. Dr. AHMAD ASHRIF A. BAKAR
Prof. Dr. ROSZILAH A. HAMID
Prof. Madya Dr. MASLI IRWAN ROSLI
Prof. Madya Dr. ZULKIFLI NOPIAH
Prof. Madya Dr. WARDAH FATIMAH MOHAMMAD YUSOFF
Ir. Dr. ZAMBRI HARUN
En. MOHD NAJIB ADUN
Pn. ROSLENA MD ZAINI
Dr. FARIZAH ANSARUDIN
Pn. NUR IZZATI BINTI AB. RAHMAN
Cik FASYA BINTI SULAIMAN
En. MOHD FADLIE ABU SADIN

| | |
|---|---|
| JKA | Jabatan Kejuruteraan Awam |
| JKMP | Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Bahan |
| JKKP | Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses |
| JKEES | Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem |
| JSAB | Jabatan Seni Bina dan Alam Bina |
| JPK | Jabatan Pendidikan Kejuruteraan |
| CAR | Pusat Penyelidikan Automotif |
| SUTRA | Pusat Penyelidikan Pengangkutan Bandar Mapan |
| CESPRO | Pusat Penyelidikan Teknologi Proses Mampan |
| P3K | Pusat Penyelidikan Pendidikan Kejuruteraan |

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA
FACULTY OF ENGINEERING & BUILT ENVIRONMENT

**PELAN STRATEGIK**

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**2021 - 2025**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

NARATIF BAHARU UKM

UNIVERSITI WATAN KITA

FKAB

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

Faculty of Engineering & Built Environment

ISBN 978-629-96532-3-3

9 786299 653233